

Seksyen I



PROSPEK EKONOMI

Bab 1: Ekonomi Malaysia

5

Bab 2: Persekitaran Perniagaan yang Berubah

23

Ekonomi Malaysia



BAB 1

- | | |
|-------------------------------------|----|
| 1. Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006 | 6 |
| 2. Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007 | 13 |



Ekonomi Malaysia dijangka meningkat 6% pada tahun 2007, hasil daripada permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi pertumbuhan yang menggalakkan di Eropah, Jepun dan Asia. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan di samping pertumbuhan sektor perkilangan, pertanian dan pembinaan yang berterusan. Permintaan dalam negeri akan terus didorong oleh permintaan penggunaan dan aktiviti pelaburan swasta yang teguh, dan diperkukuh oleh pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan oleh sektor awam.

1. Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006

Pada tahun 2006, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar Malaysia berkembang 5.9%, sebahagian besarnya dipacu oleh permintaan dalam negeri, manakala pertumbuhan global yang menggalakkan menghasilkan permintaan yang kukuh terhadap eksport.

Permintaan dalam negeri agregat mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 7%, sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti sektor swasta. Penggunaan swasta kekal teguh, meningkat 7.1% pada tahun 2006. Faktor utama yang menyumbang kepada keteguhan dalam perbelanjaan pengguna ialah pertumbuhan pendapatan yang mantap hasil daripada keadaan guna tenaga yang menggalakkan, perolehan eksport yang tinggi dan harga komoditi yang kukuh.

Harga komoditi utama yang terus tinggi (seperti getah dan minyak sawit mentah) dan persekitaran pasaran pekerja yang stabil memberikan kesan positif terhadap pendapatan boleh guna isi rumah di luar bandar dan di bandar, serta menyokong pandangan pengguna yang optimistik.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (pada harga tahun asas 2000)


	2005	2006
	Perubahan Tahunan (%)	
Permintaan dalam negeri ¹	7.3	7.0
Perbelanjaan sektor swasta	7.6	7.0
Penggunaan	8.7	7.1
Pelaburan	3.3	7.0
Perbelanjaan sektor awam	6.6	6.8
Penggunaan	6.4	5.0
Pelaburan	6.8	8.9
Eksport barangan dan perkhidmatan bersih	2.1	0.1
Eksport	7.9	7.4
Import	8.9	8.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	5.0	5.9

¹ Tidak termasuk stok

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Meskipun Kadar Dasar Semalaman dinaikkan sebanyak dua kali pada tahun 2006, kredit sektor isi rumah terus berkembang kerana kadar faedah terus berada pada tahap yang secara relatif rendah. Walau bagaimanapun, hutang sektor isi rumah terus berada dalam had yang berhemat kerana kedudukan kewangan mereka secara relatif masih teguh.

Penunjuk Hutang Isi Rumah



Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006

Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 7%, dirangsang oleh perbelanjaan modal yang besar dalam sektor berikut:

- Sektor perkilangan, susulan daripada permintaan yang tinggi terhadap produk berasaskan sumber dari luar negeri dan tahap penggunaan kapasiti yang terus tinggi;
- Sektor perkhidmatan, berikutan pelaburan dalam subsektor pengangkutan dan komunikasi, sebahagian besarnya disebabkan pengembangan kemudahan pelabuhan, pelaburan dalam segmen pengangkutan udara dan laut, serta penambahbaikan rangkaian telekomunikasi; dan
- Sektor Minyak dan Gas, yang terdapat perbelanjaan modal yang terus teguh, didorong oleh projek penerokaan dan pengeluaran berikutan peningkatan aktiviti penerokaan di dasar laut pada sepanjang tahun.

Pelaburan swasta menerima galakan tambahan daripada kedudukan kewangan syarikat yang bertambah baik yang turut menyediakan sumber dana kepada syarikat untuk membuat pelaburan.

Penggunaan awam meningkat 5% pada tahun 2006, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang tinggi bagi bekalan dan perkhidmatan untuk menyelenggara dan memperbaiki sistem penyampaian awam.

Pelaburan awam juga bertambah selanjutnya sebanyak 8.9% pada tahun 2006, mencerminkan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi projek pembangunan untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan asas yang mencukupi dan lebih baik, khususnya di kawasan kurang membangun.

KDNK Benar Mengikut Sektor (pada harga tahun asas 2000)

	2005	2006
	Perubahan Tahunan (%)	
Pertanian	2.6	5.2
Perlombongan & Kuari	-1.3	-0.4
Perkilangan	5.3	7.1
Pembinaan	-1.8	-0.5
Perkhidmatan	6.7	7.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	5.0	5.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dari segi sektor pula, sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan pada sepanjang tahun:

- Sektor perkhidmatan berkembang 7.2%, sebahagian besarnya disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan, kewangan dan pelancongan yang lebih banyak serta sumbangan yang bertambah daripada bidang pertumbuhan baharu dalam segmen perkhidmatan perniagaan, termasuk perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, dan perkhidmatan IT serta kewangan Islam;
- Nilai ditambah dalam sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 7.1%, disokong oleh peningkatan berterusan dalam kitaran elektronik global yang bermula pada separuh kedua tahun 2005 dan permintaan luar negeri yang kukuh terhadap industri berasaskan sumber; dan
- Sektor pertanian berkembang 5.2%, disokong oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam tanaman perindustrian dan pemulihan dalam aktiviti berkaitan makanan.

Harga Pengguna

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.6% (2005: 3%). Meskipun kategori utama yang lain turut mencatat kenaikan harga, penyumbang utama kepada inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2006 ialah kos pengangkutan yang meningkat disebabkan harga bahan api yang lebih tinggi. Ini disebabkan oleh kenaikan harga produk petroleum runcit sekali sahaja pada bulan Mac 2006, berikutan penurunan subsidi bahan api ekoran lonjakan harga minyak global pada awal tahun 2006 yang memberikan kesan yang ketara kepada perbelanjaan mengurus Kerajaan.

Meskipun pada mulanya kadar inflasi naik mendadak pada bulan Mac 2006, jangkaan inflasi pada amnya terkawal pada sepanjang tahun. Jaminan Kerajaan bahawa kenaikan harga bahan api runcit pada bulan Mac hanya akan berlaku sekali sahaja membantu mengehadkan tekanan harga daripada mempengaruhi paras harga keseluruhan. Peningkatan kadar pertukaran ringgit pada sepanjang tahun juga mengurangkan sedikit sebanyak tekanan inflasi dengan mengurangkan kos import.

Inflasi dan Pengangguran (%)

	2005	2006 ^p
Inflasi		
Indeks Harga Pengguna (2000=100)	3.0	3.6
Indeks Harga Pengguna Teras ¹	2.0	2.1
Pengangguran	3.5	3.5

^p Permulaan

¹ Tidak termasuk barangan harga terkawal dan barangan harga turun naik dan yang tertakluk kepada pelarasan harga sekali sahaja

Pertumbuhan Pekerjaan

Pertumbuhan pekerjaan merupakan kunci untuk memahami sentimen pengguna. Apabila pasaran pekerja berkembang, pengguna berasa lebih yakin. Pada tahun 2006, pasaran pekerja dalam negeri terus kukuh berikutan permintaan terhadap pekerja yang meningkat pada sepanjang tahun dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

- Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.5% daripada jumlah tenaga kerja;
- Jumlah guna tenaga meningkat 2.3%, melebihi peningkatan jumlah tenaga kerja sebanyak 2.2%, manakala jumlah pemberhentian pekerja menurun bagi tahun kelima kepada 15,360 orang; dan
- Trend kekosongan jawatan juga menunjukkan keadaan pekerjaan yang lebih positif, sebagaimana dicerminkan oleh bilangan kekosongan jawatan baru yang nyata lebih tinggi seperti dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik.

Permintaan yang lebih kukuh terhadap pekerja dicatat dalam semua sektor utama, khususnya sektor perkilangan, dalam keadaan jualan dalam dan luar negeri yang menggalakkan, pemulihan aktiviti pembinaan dan pembukaan lebih banyak saluran dagang runcit dan saluran dagang perkhidmatan lain.

Meskipun permintaan terhadap pekerja meningkat pada tahun 2006, jumlah pekerja yang ada turut bertambah. Pencari kerja aktif yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Manusia meningkat sebanyak 16% kepada 84,046 orang. Perkembangan yang ketara ialah kehadiran nyata pencari kerja yang sudah bekerja tetapi memasuki semula pasaran pekerja dengan harapan mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Upah

Meskipun prestasi ekonomi adalah lebih baik, tekanan upah secara relatif lemah disebabkan sebahagiannya oleh kehadiran bilangan para siswazah yang menganggur dan ketersediaan pekerja pehijrah.

Kaji Selidik Gaji dan Kemudahan Sampingan yang dilakukan oleh Persekutuan Majikan Malaysia menunjukkan bahawa kenaikan gaji purata sektor swasta ialah 5.8%, sama seperti tahun sebelumnya.

Produktiviti

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap pekerja, meningkat dengan ketara kepada 4% (2005: 2.1%), dirangsang oleh peningkatan produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan. Peningkatan produktiviti yang lebih baik adalah hasil daripada penggunaan modal yang meningkat dan penambahbaikan proses perniagaan, serta nilai keluaran dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan luaran Malaysia menjadi lebih kukuh pada tahun 2006 disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang lebih besar.

- Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM93.4 bilion, bersamaan dengan 16.8% daripada KNK, berpunca daripada lebihan perdagangan yang besar serta perbaikan dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan;
- Sejalan dengan persekitaran luaran yang bertambah baik, pertumbuhan dalam eksport kasar dikekalkan pada kadar dua angka sebanyak 10.3% pada tahun 2006, disokong oleh permintaan yang terus kukuh terhadap komoditi utama dan barangan perkilangan;
- Eksport komoditi utama, yang menjadi sumber penting perolehan pertukaran asing kepada negara, meningkat pada kadar dua angka disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih tinggi walaupun jumlah eksport menurun sebanyak 2.4%;
- Pengembangan eksport barangan perkilangan disebabkan oleh prestasi kukuh dalam industri berasaskan sumber, dan pertumbuhan yang berterusan dalam eksport produk elektronik dan elektrik (E&E);
- Import kasar berkembang 10.8% pada tahun 2006, mencerminkan import barangan pengantara yang lebih banyak untuk menyokong pengeluaran dan eksport barangan perkilangan, serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam negeri yang kukuh; dan
- Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih kecil disebabkan terutamanya oleh peningkatan aliran masuk penerimaan pelancongan dan komisen yang didapati daripada pemerolehan barangan untuk penjualan semula kepada bukan pemastautin.

Sementara itu, pengurangan dalam defisit akaun pendapatan mencerminkan peningkatan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia daripada pelaburan di luar negeri dan pulangan yang lebih tinggi daripada rizab luaran.



Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM43.5 bilion berikutan pelaburan langsung ke luar negeri yang lebih tinggi dan peningkatan aliran keluar dalam pelaburan lain, yang lebih daripada mengimbangi aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio. Pada tahun 2006, pelaburan langsung asing kasar meningkat dengan ketara kepada RM37.3 bilion, disokong terutamanya oleh perolehan yang dilabur semula dan aliran masuk modal ekuiti baru untuk membeli kepentingan dalam syarikat Malaysia. Trend ini mencerminkan keyakinan dan komitmen berterusan di pihak pelabur asing yang beroperasi di Malaysia.



Kedudukan hutang luar negeri Malaysia terus bertambah baik pada tahun 2006 kepada RM183.1 bilion (atau USD51.4 bilion) daripada RM197.7 bilion pada tahun 2005, bersamaan dengan 33% daripada KNK. Ini mencerminkan hutang jangka pendek yang lebih rendah berikutan penyelesaian peminjaman antara bank oleh sektor perbankan, dan perbaikan dalam hutang jangka sederhana dan panjang berikutan pembayaran balik hutang yang besar oleh sektor awam. Keuntungan penilaian semula daripada peningkatan nilai ringgit berbanding mata wang utama juga menyumbang kepada kedudukan hutang jangka sederhana dan panjang yang lebih rendah.

2. Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007

Memandang ke hadapan, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka meningkat 6% pada tahun 2007. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi pertumbuhan yang menggalakkan di Eropah, Jepun dan Asia.

KDNK benar diunjur berkembang secara sederhana pada separuh tahun pertama disebabkan jangkaan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam permintaan luar negeri. Walau bagaimanapun, dengan industri elektronik global yang dijangka kembali meningkat pada separuh tahun kedua berikutan permintaan lebih tinggi terhadap produk baru, eksport Malaysia dijangka berkembang dengan lebih memberangsangkan.

Di dalam negeri, beberapa perkembangan penting dijangka memberikan kesan positif kepada pertumbuhan pada separuh tahun kedua. Ini termasuk:

- Pelaksanaan projek yang lebih pesat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9);
- Permulaan pengeluaran Medan Minyak Kikeh pada suku keempat; dan
- Jangkaan pertambahan ketara dalam ketibaan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 semasa puncak musim pelancongan musim panas.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (pada harga tahun asas 1987)¹

	2007r
	Perubahan Tahunan (%)
Permintaan Dalam Negeri ²	7.4
Perbelanjaan sektor swasta	7.2
Penggunaan	6.4
Pelaburan	10.4
Perbelanjaan sektor awam	7.7
Penggunaan	4.1
Pelaburan	11.4
Eksport barang dan perkhidmatan bersih	-9.6
Eksport	6.3
Import	7.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	6.0

r Ramalan

¹Seperti disiarkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006, sebelum disemak semula kepada tahun asas 2000

² Tidak termasuk stok

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka meningkat 6% pada tahun 2007. Pertumbuhan ini disokong oleh pertumbuhan global yang mampan dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

Permintaan dalam negeri agregat dijangka terus berdaya tahan pada 7.4% pada tahun 2007, disokong oleh aktiviti sektor swasta yang berterusan dan perbelanjaan sektor awam yang lebih besar.

Pelaburan swasta, yang dijangka terus berkembang 10.4%, bakal memainkan peranan utama dalam mengekalkan pertumbuhan. Mudah tunai yang lebih daripada memadai dalam sistem kewangan, yang memastikan pembiayaan yang cukup dan akan menyokong aktiviti pelaburan baru. Pengurangan cukai pendapatan korporat kepada 27% yang diumumkan dalam Bajet 2007 juga dijangka merangsang perbelanjaan modal swasta.

Sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan dijangka makin bertambah pada tahun 2007 disebabkan terutamanya oleh pelaburan awam yang lebih tinggi, yang diunjurkan meningkat dengan ketara sebanyak 11.4%, didorong oleh perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan projek RMK9.

Penggunaan swasta dijangka kekal berdaya tahan pada tahun 2007 pada kadar 6.4%, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pekerjaan yang menggalakkan.



Penggunaan awam dijangka bertambah secara sederhana sebanyak 4.1%, susulan daripada perbelanjaan mengurus terhadap bekalan dan perkhidmatan yang kekal tinggi untuk menambah baik sistem penyampaian bagi menyokong aktiviti sektor swasta.

Dari segi sektor, pertumbuhan dijangka menyeluruh, mencerminkan pengembangan dalam semua sektor ekonomi. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai pendorong pertumbuhan utama, didahului terutamanya oleh perkhidmatan pengantara, manakala segmen perkhidmatan akhir dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana, seiring dengan aktiviti penggunaan swasta pada sepanjang tahun.

Dalam segmen perkhidmatan pengantara, pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan akan dipacu terutamanya oleh bidang pertumbuhan baru, khususnya dalam perkhidmatan kewangan Islam dan bank pelaburan yang baru ditubuhkan.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan dijangka dapat dikekalkan pada 6.6% pada tahun 2007, didorong oleh industri berasaskan sumber dan disokong selanjutnya oleh sektor elektronik dan elektrik serta industri berkaitan dengan pembinaan.

Sektor pertanian dijangka terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.2%, mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran kesemua tanaman utama.

Sementara itu, sektor perlombongan dan pembinaan dijangka pulih dan mencatat pertumbuhan positif. Sektor perlombongan akan disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi, berikutan permulaan pengeluaran dari medan minyak Kikeh yang baru dan kenaikan taraf loji MLNG2 pada separuh tahun kedua.

Selepas merosot selama tiga tahun berturut-turut, nilai ditambah dalam sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2007, disokong oleh kesan positif daripada pelaksanaan projek pembinaan di bawah RMK9 serta permintaan yang teguh dalam segmen harta tanah bukan kediaman.

KDNK Mengikut Sektor (pada harga tahun asas 1987)¹

	2007r
	Perubahan Tahunan (%)
Pertanian	3.2
Perlombongan & Kuari	2.8
Perkilangan	6.6
Pembinaan	3.0
Perkhidmatan	6.3
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	6.0

r Ramalan

¹ Seperti disiarkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006, sebelum disemak semula kepada tahun asas 2000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran dijangka terus kukuh pada tahun 2007. Lebihan akaun semasa diunjurkan pada 16.3% daripada KNK, mencerminkan lebihan perdagangan yang terus kukuh dalam akaun barangan dan perbaikan dalam akaun perkhidmatan. Eksport kasar dijangka berkembang sebanyak 8.2% dan pertumbuhan yang menggalakkan dalam eksport barangan perkilangan berasaskan sumber akan sedikit sebanyak mengimbangi pertumbuhan lebih sederhana dalam eksport E&E. Pertumbuhan eksport komoditi dijangka dapat dikekalkan, disokong oleh harga minyak sawit yang lebih tinggi.

Import kasar dijangka meningkat 9.8%, mencerminkan terutamanya penyederhanaan dalam pertumbuhan import barangan pengantara sejajar dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam eksport perkilangan. Sementara itu, import barangan modal dijangka makin kukuh sejajar dengan aktiviti pelaburan yang lebih pesat.

Defisit akaun perkhidmatan dijangka bertambah baik disebabkan terutamanya oleh penerimaan pelancongan yang meningkat berikutan Tahun Melawat Malaysia 2007. Sementara itu, defisit akaun pendapatan dijangka kekal mencerminkan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat multinasional bagi pelaburan mereka di Malaysia.

Malaysia: Imbangan Pembayaran

	2005	2006p/	2007r
	RM bilion		
Imbangan Akaun Semasa	75.7	93.4	92.7
% daripada KNK	15.3	16.8	16.3
Imbangan barangan	125.6	134.6	137.7
Eksport barangan	537.0	589.7	638.5
<i>Eksport kasar - % perubahan</i>	10.9	10.3	8.2
Import barangan	411.4	455.2	500.9
<i>Import kasar - % perubahan</i>	8.6	10.8	9.8
Imbangan perkhidmatan	-9.0	-6.9	-6.7
Akaun pendapatan	-23.9	-17.4	-22.1
Pindahan semasa	-17.0	-16.9	-16.2
Imbangan akaun modal & kewangan	-37.0	-43.5	
Pelaburan langsung	3.8	0.2	
Luar Negara	-11.3	-22.2	
Di Malaysia	15.0	22.2	
Pelaburan portfolio	-14.2	12.9	
Pelaburan Lain	-26.6	-56.4	
Kesilapan & ketinggalan	-25.1	-24.8	
Imbangan keseluruhan (lebih + / kurang -)	13.6	25.2	
Rizab antarabangsa BNM bersih	265.2	290.4	
Rizab antarabangsa BNM bersih (USD bilion)	70.2	82.5	
Rizab sebagai bilangan bulanan import tertangguh	7.7	7.8	

p/ Permulaan

r/ Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Pelaburan langsung asing dijangka terus tinggi, terutamanya daripada perolehan tertahan oleh syarikat multinasional sedia ada yang beroperasi di Malaysia, dan daripada aliran masuk pelaburan langsung asing baru ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas. Lebih banyak aktiviti penyatuan dan pengambilalihan juga dijangka menarik aliran masuk pelaburan langsung asing ke Malaysia. Pelaburan di luar negeri dijangka tetap ketara mencerminkan minat berterusan syarikat Malaysia untuk mengembangkan dan mempelbagaikan operasi mereka di luar negeri.

Prospek Inflasi bagi Tahun 2007

Inflasi dijangka kekal rendah pada sepanjang tahun ini. Inflasi yang meningkat pada tahun 2006 berikutan pengurangan sebahagian subsidi bahan api dan subsidi lain, dijangka menjadi sederhana pada tahun 2007 dengan purata antara 2 - 2.5%.

Dalam jangka sederhana, pelaburan baru yang dilakukan oleh syarikat untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi akan memastikan pertumbuhan terus berlaku tanpa tekanan harga yang keterlaluan. Tambahan lagi, tekanan harga akan terus dibendung oleh peningkatan persaingan susulan bertambahnya integrasi negara dengan ekonomi dan kewangan antarabangsa.

Harga Semerta dan Harga Niaga Hadapan West Texas Intermediate (WTI)



Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006


Dasar Fiskal pada Tahun 2007

Bagi mewujudkan pertumbuhan jangka lebih panjang yang mampan, Bajet 2007 memberikan penekanan terhadap bidang aktiviti ekonomi dalam negeri baru yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi.

Oleh itu, dasar fiskal pada tahun 2007 tertumpu pada usaha untuk memudahkan sektor swasta memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan ekonomi dan menjana sumber pertumbuhan baru dalam sektor intensif teknologi dan pengetahuan.

Di samping insentif yang telah disediakan, Kerajaan Persekutuan akan meningkatkan perbelanjaan pada tahun 2007 untuk menyokong inisiatif menjana pertumbuhan ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, membentuk tenaga kerja mahir dan berpengetahuan, serta program untuk mengurangkan ketaksamaan sosioekonomi dan wilayah. Secara keseluruhan, defisit belanjawan diunjur berada pada 3.4% daripada KDNK pada tahun 2007 ketika Kerajaan terus mencapai kemajuan dalam pengukuhan kedudukan fiskalnya.

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006